



CAMBRIDGE  
International Education

# Cambridge IGCSE™

---

**MALAY**

**0546/12**

Paper 1 Listening

**May/June 2024**

TRANSCRIPT

**Approximately 50 minutes (including 6 minutes' transfer time)**

---

---

This document has **12** pages. Any blank pages are indicated.

**E Cambridge Assessment International Education, June 2024 examination in Malay. Paper 1, Listening, for Cambridge IGCSE.**

**M1 Soalan-soalan 1 hingga 8**

**M1** Anda akan mendengar beberapa rakaman ringkas.

**M1** Anda akan mendengar setiap rakaman sebanyak dua kali.

**M1** Bagi setiap soalan, tanda dalam kotak jawapan yang betul **A**, **B**, **C** atau **D**.

(*Pause 3 seconds.*)

**M1** Anda akan melawat sebuah muzium dengan kawan anda, Suzi.

**M1 Soalan 1**

**M1** Anda ingin tahu di mana muzium.

**F1** \* Muzium terletak di depan stadium.

**M1** Muzium terletak di depan apa? \*\*

(*Pause 10 seconds. Repeat from \* to \*\*. Pause 5 seconds.*)

**M1 Soalan 2**

**M1** Suzi mahu tahu harga tiket masuk. Suzi berkata:

**F1** \* Tiket masuk berharga RM5.00

**M1** Tiket masuk berharga ...\*\*

(*Pause 10 seconds. Repeat from \* to \*\*. Pause 5 seconds.*)

**M1 Soalan 3**

**M1** Suzi lapar. Dia bertanya:

**F1** \*Di mana restoran?

**M1** Suzi mahu pergi ke mana? \*\*

(*Pause 10 seconds. Repeat from \* to \*\*. Pause 5 seconds.*)

**M1 Soalan 4**

**M1** Di kedai muzium, Suzi berkata:

**F1** \* Saya mahu beli gambar pasu.

**M1** Suzi mahu membeli gambar apa? \*\*

(Pause 10 seconds. Repeat from \* to \*\*. Pause 5 seconds.)

**M1 Soalan 5**

**M1** Di bilik utama, Suzi berkata:

**F1** \* Saya mahu lihat kasut.

**M1** Apakah yang Suzi mahu lihat? \*\*

(Pause 10 seconds. Repeat from \* to \*\*. Pause 5 seconds.)

**M1 Soalan 6**

**M1** Suzi masuk ke Bilik Melur. Dia berkata:

**F1** \* Di sini ada pameran duit.

**M1** Pameran apa ada di Bilik Melur? \*\*

(Pause 10 seconds. Repeat from \* to \*\*. Pause 5 seconds.)

**M1 Soalan 7**

**M1** Suzi terdengar satu pengumuman:

**F1** \* Ceramah akan bermula pada pukul empat petang.

**M1** Bilakah ceramah akan bermula? \*\*

(Pause 10 seconds. Repeat from \* to \*\*. Pause 5 seconds.)

**M1 Soalan 8**

**M1** Semasa berjalan pulang, hujan lebat. Suzi berkata:

**F1** \* Mari pergi ke perhentian bas.

**M1** Mereka pergi ke mana? \*\*

(Pause 10 seconds. Repeat from \* to \*\*. Pause 5 seconds.)

**M1 Soalan-soalan 9 hingga 14**

**M1** Anda akan mendengar satu pengumuman di sebuah majlis istimewa. Anda akan mendengar pengumuman ini sebanyak dua kali.

**M1** Pengumuman akan dihentikan seketika.

**M1** Bagi setiap soalan, tanda dalam kotak yang betul **A**, **B**, **C** atau **D**.

**M1** Sekarang anda ada beberapa saat untuk membaca soalan-soalan berikut.

(*Pause 30 seconds.*)

**F1** \* Tuan-tuan dan puan-puan. Selamat datang ke majlis perkahwinan Azli dan Aziah.

**F1** Sepanjang malam, anda semua akan dihiburkan dengan lagu-lagu dan nyanyian daripada kumpulan muzik. Dan kalau ada yang pandai menyanyi, bolehlah tunjukkan bakat!

**F1** Saya harap anda semua bersiap sedia untuk menjamu selera dengan makanan yang sedap-sedap. Anda akan dihidangkan dengan ayam panggang yang merupakan kegemaran pasangan pengantin.

(*Pause 5 seconds.*)

**F1** Ramai tetamu membawa anak-anak kecil. Ada banyak hiburan dan aktiviti-aktiviti di luar supaya mereka tidak bosan. Salah satunya ialah pertunjukan bunga api.

**F1** Anda boleh letak hadiah-hadiah untuk pengantin di meja di hadapan. Mereka akan membuka hadiah pada pukul 10 malam. Saya akan umumkan supaya semua boleh menyaksikan acara ini.

**F1** Sebelum majlis tamat, saya akan mempersilakan semua orang untuk berkumpul di luar bangunan untuk mengucapkan selamat jalan kepada pasangan. Mereka akan dibawa ke lapangan terbang dengan sebuah kereta mewah yang berhias. Majlis bersurai selepas itu. \*\*

(*Pause 10 seconds.*)

**M1** Sekarang anda akan mendengar pengumuman ini untuk kali kedua.

(*Repeat from \* to \*\* then pause 10 seconds.*)

**M1 Soalan-soalan 15 hingga 19**

**M1** Anda akan mendengar perbualan antara Zihan dengan Alias tentang guru-guru mereka di sekolah menengah.

**M1** Anda akan mendengar perbualan ini sebanyak dua kali.

**M1** Untuk soalan-soalan 15 hingga 19, padangkan nama guru dengan kenyataan yang betul **A**, **B**, **C**, **D**, **E** atau **F**. Bagi setiap guru, tulis huruf yang betul **A** hingga **F** di atas garis jawapan.

**M1** Anda mempunyai beberapa saat untuk membaca maklumat.

(*Pause 30 seconds.*)

**M1** \* Helo Zihan. Tadi saya bertemu dengan guru lama kita, Puan Zarina, yang mengajar kita memasak. Dia mengajar kita masak kuih-kuih kampung yang sehingga sekarang menjadi kesukaan saya.

**F1** Oh ya, ada banyak benda yang saya pelajari daripada dia. Setiap kali saya memasak, saya pasti teringat nasihat yang dia berikan.

**M1** Kami bersempang lama juga dan bercerita tentang Puan Hasnah yang mengajar Sejarah.

**F1** Oh saya tak boleh lupa Puan Hasnah. Dia sudah berpindah ke Indonesia selepas berkahwin. Saya dengar dia masih mengajar di sana.

**M1** Apa pendapat awak tentang Encik Doraisamy?

**F1** Oh. Bagaimana saya boleh lupa Encik Doraisamy, guru Geografi kita. Saya selalu tertidur di dalam kelas dia sebab kelasnya sangat membosankan dan saya tidak boleh tumpu perhatian. Saya tidak menggemari kelasnya.

**M1** Dan awak ingat Cikgu Lim, guru sukan pada tahun terakhir kita bersekolah?

**F1** Cikgu Lim! Kalau kita lupa bawa baju senaman, dia suruh kita lari keliling padang. Saya pernah kena denda sekali dan selepas itu tak pernah lupa alat-alat sukan saya. Saya sangat takut dengan dia dulu!

**M1** Awak ingat Cik Leela, guru Biologi kita?

**F1** Ya, sudah tentu! Dia yang memupuk minat saya untuk mengambil bidang perubatan. Dia juga bercita-cita untuk menjadi doktor seperti bapanya. Saya masih berhubung dengan dia dan kami sekarang seperti kawan. \*\*

(*Pause 10 seconds.*)

**M1** Sekarang anda akan mendengar perbualan ini untuk kali kedua.

(*Repeat from \* to \*\* then pause 10 seconds.*)

**M1 Soalan-soalan 20 hingga 28**

**M1** Anda akan mendengar dua temu duga tentang belia dan kerjaya. Temu duga yang pertama adalah antara Aiman dengan Kasmah yang memohon pekerjaan sebagai penulis majalah.

**M1** Rakaman dihentikan sekejap selepas bahagian pertama sebelum bahagian kedua dimulakan.

**M1 Bahagian 1: Soalan-soalan 20 hingga 24**

**M1** Anda akan mendengar temu duga pertama sebanyak dua kali. Bagi setiap soalan, tanda dalam kotak yang betul **A**, **B** atau **C**.

**M1** Sekarang anda ada beberapa saat untuk membaca **soalan-soalan 20 hingga 24**.

(Pause 30 seconds.)

**M1** \* Selamat pagi, Kasmah.

**F1** Selamat pagi.

**M1** Kasmah, anda membuat permohonan untuk menjadi penulis dengan majalah Minda Remaja. Boleh beritahu mengapa?

**F1** Saya sudah lama ingin menulis secara profesional. Saya pernah menulis rencana untuk majalah sekolah, mengarang cerita pendek dan sajak. Saya ingin menjadi penulis yang berbakat tetapi tidak semestinya terkenal.

**M1** Kasmah suka menulis tentang apa?

**F1** Dahulu saya menulis tentang acara-acara yang diadakan di sekolah. Saya sungguh minat dengan pencapaian-pencapaian remaja yang suka berdikari. Saya ingin melaporkan tentang semangat sukarelawan mereka.

**M1** Siapa mendorong Kasmah untuk memilih kerjaya ini?

**F1** Bapa saya ialah seorang penulis dan sentiasa meminta saya menulis jurnal. Tapi dia tidak menggalakkan saya untuk menulis untuk cari makan. Dia mahu saya bekerja sebagai guru. Minat saya dipupuk oleh kawan baik saya, seorang penulis novel.

**M1** Bilakah Kasmah dapat mula bekerja ?

**F1** Kursus penulisan saya akan berakhir pada hujung bulan depan, iaitu bulan Ogos. Pada awal bulan September, saya akan bercuti bersama keluarga selama seminggu. Saya boleh bermula selepas itu.

**M1** Mengapa Kasmah mahu menulis untuk Minda Remaja?

**F1** Pengalaman saya sebagai seorang remaja masih segar dalam fikiran saya. Saya boleh faham perasaan seseorang remaja dan impian mereka. Jadi saya mahu menulis untuk memberi mereka suara. \*\*

(Pause 15 seconds.)

**M1** Sekarang anda akan mendengar temu duga pertama untuk kali kedua.

(Repeat from \* to \*\* then pause 15 seconds.)

### **M1 Bahagian 2: Soalan-soalan 25 hingga 28**

**M1** Sekarang anda akan mendengar temu duga kedua, dua kali. Temu duga yang kedua adalah antara Maria dengan Edi Shah, pengarah syarikat pelancongan. Bagi setiap soalan, tanda dalam kotak yang betul **A**, **B** atau **C**.

**M1** Sekarang anda ada beberapa saat untuk membaca **soalan-soalan 25 hingga 28**.

(Pause 30 seconds.)

**M1** \*\*\* Maria, mengapa anda ingin menjadi pemandu pelancong?

**F1** Kalau saya bekerja dengan syarikat pelancongan saya akan diperkenalkan kepada industri ini. Saya juga dapat terbang ke negara asing sambil bekerja.

**M1** Maria sering melancong?

**F1** Saya sering melancong dengan keluarga saya ke Timur Tengah. Sebagai seorang pelancong, saya suka belajar tentang sejarah sesebuah tempat. Pelancong ingin tahu tempat-tempat yang menjual cenderamata dan juga ingin mencuba makanan tempatan.

**M1** Apakah sifat-sifat yang sepatutnya ada pada seseorang pemandu pelancong?

**F1** Pada pendapat saya, seseorang pemandu pelancong mestilah bersikap mesra. Dia mesti suka berkongsi pengetahuannya. Dia mesti boleh menolong pelancong yang dibawanya dengan apa-apa masalah yang mereka hadapi. Ini sangatlah penting.

**M1** Apakah yang para pelancong ingin buat semasa berada di negara kita?

**F1** Golongan lebih tua lebih suka melawat tempat-tempat bersejarah dan suka menikmati pemandangan. Pelancong muda pula tidak suka berehat di hotel. Mereka lebih suka meneroka gua atau mendaki gunung. \*\*\*\*

(Pause 15 seconds.)

**M1** Sekarang anda akan mendengar temu duga kedua untuk kali kedua.

(Repeat from \*\*\* to \*\*\*\* then pause 15 seconds.)

**M1 Soalan-soalan 29 hingga 34**

**M1** Anda akan mendengar dialog antara Yana dengan Tan, seorang artis suara latar, tentang kerjayanya. Anda akan mendengar dialog ini sebanyak dua kali.

**M1** Ada tempat berhenti semasa dialog ini.

**M1** Bagi setiap soalan, tanda dalam kotak yang betul **A**, **B**, **C** atau **D**.

**M1** Sekarang anda ada beberapa saat untuk membaca soalan-soalan berikut.

(*Pause 1 minute.*)

**F1** \* Helo Tan. Boleh anda perkenalkan diri anda?

**M1** Sudah tentu boleh. Saya berasal dari Pulau Pinang dan sekarang tinggal di Kuala Lumpur. Saya mempunyai kelayakan dalam bidang pendidikan dari universiti tempatan. Sekarang saya seorang guru tetapi saya lebih terkenal sebagai seorang bakat suara latar. Malah, saya rasa lebih ramai orang kenal suara saya daripada muka saya! Ini sangatlah lucu. Suara saya digunakan dalam iklan, suara latar dokumentari di radio dan televisyen.

**F1** Sungguh menarik. Teruskan lagi!

**M1** Dari kecil lagi saya suka berlakon. Saya suka meniru-niru suara orang-orang ternama dan artis-artis terkenal. Saya pernah menelefon kakak saya sebagai pelakon yang dia minati. Dia hampir pengsan semasa mendapat panggilan telefon itu! Saya akan mendengar cara seseorang bercakap berjam-jam untuk meniru suara dan gaya mereka. Tak perlu ikuti kursus!

**F1** Ya, sangat betul.

**M1** Saya dapat bahawa saya boleh menggunakan kebolehan saya ini dalam cara saya mengajar di dalam kelas. Saya mengajar bahasa Inggeris di sekolah rendah dan saya percaya para pelajar lebih terdorong untuk belajar sekiranya ada elemen yang lucu. Saya boleh menarik perhatian para pelajar dengan membuat lakonan pelbagai watak. Ini menjadikan pelajar lebih berani bercakap dalam kelas.

(*Pause 15 seconds.*)

**F1** Bagaimanakah Tan mula menjadikan bakat ini suatu pekerjaan sampingan?

**M1** Sebenarnya, saya tidak berniat untuk menjadikannya satu kerjaya. Saya menemani kawan saya kerana dia mahu uji bakat untuk suara latar program kanak-kanak di televisyen. Apabila sampai di studio, rupa-rupanya nama saya yang dipanggil. Kawan saya mendaftarkan nama saya dan bukan nama dia. Saya terus disuruh melakonkan suara seperti watak kartun, suara seperti seorang pembaca berita dan macam-macam lagi. Sungguh lucu!

**F1** Sudah tentunya mereka kagum dengan kebolehan Tan!

**M1** Oh ya. Mereka tidak sangka sebab mereka nampak saya sebagai pendiam. Dengan serta-merta saya diminta berdaftar dengan mereka dan saya dijanjikan bayaran yang lumayan. Saya tidak dapat menolak! Mereka bayar untuk segala perbelanjaan termasuk kos perjalanan dan juga untuk sesi yang melibatkan penggunaan suara saya. Mereka berkata saya juga tidak perlu berlatih.

**F1** Setakat ini apakah yang Tan sudah lakukan menggunakan kebolehan anda?

**M1** Kalau anda pernah menonton program kanak-kanak, saya ialah suara watak Si Atan dalam program kartun Si Atan dengan Kawan-kawan. Saya juga membuat pengumuman untuk syarikat penerbangan dan macam-macam lagi. Tapi saya rasa yang paling lumayan ialah suara latar untuk iklan televisyen. Saya dapat banyak ulasan yang positif. Pekerjaan ini walaupun secara sampingan sahaja telah mengubah hidup saya.

**F1** Terima kasih, Tan. \*\*

(Pause 15 seconds.)

**M1** Sekarang anda akan mendengar dialog ini untuk kali kedua.

(Repeat from \* to \*\* then pause 15 seconds.)

**M1 Soalan-soalan 35 hingga 37**

**M1** Anda akan mendengar temubual dengan Umi yang dilahirkan di Manchester dan pulang untuk tinggal di tanah air. Anda akan mendengar temubual ini sebanyak dua kali.

**M1** Ada dua tempat berhenti semasa temubual ini.

**M1** Bagi setiap soalan, tanda dalam **dua** kotak yang betul **A hingga E**.

**M1** Sekarang anda ada beberapa saat untuk membaca kenyataan-kenyataan berikut.

(Pause 45 seconds.)

**M1** \* Umi, apa yang mendorong anda untuk pulang?

**F1** Saya sendiri tidak tahu apa yang menggerakkan hati saya . Tapi saya tahu, saya mahu mengenali negara saya sebelum terlambat.

**M1** Bagaimanakah Umi boleh berada di sana?

**F1** Ibu bapa saya belajar di Manchester. Mereka berkahwin selepas mendapat pekerjaan tetap. Saya dilahirkan 17 tahun yang lalu. Tapi, kami selalu balik untuk bercuti.

**M1** Apa yang menarik bagi Umi?

**F1** Setiap kali kami pulang untuk bercuti, saya akan terpikat dengan sesuatu yang baharu, seperti sejarah, makanan atau apa-apa yang hanya terdapat di Malaysia.

**M1** Apakah yang unik itu?

**F1** Budaya yang mencerminkan pelbagai kaum. Negara kita memang kaya dengan budaya.

(Pause 20 seconds.)

**M1** Apa yang Umi buat sebagai persediaan untuk pulang?

**F1** Saya memang boleh bercakap bahasa Melayu sebab di Manchester ada sekolah bahasa Melayu. Saya tidak ada masalah dari segi itu. Saya terus belajar tentang sejarah Malaysia, yang begitu asing bagi saya.

**M1** Dan...

**F1** Saya juga bergaul dengan pelajar-pelajar Malaysia yang berbilang bangsa yang belajar di universiti di sana. Mereka sangat membantu. Mereka selalu menjemput saya bersama mereka sekiranya ada apa-apa aktiviti. Saya banyak belajar daripada mereka.

**M1** Apa pendapat ibu bapa Umi?

**F1** Mereka gembira dan membiarkan saya membuat keputusan sendiri.

**M1** Bagus!

**F1** Saya rasa lama kelamaan mereka akan pulang dan menetap di Malaysia. Sekarang saya tinggal dengan datuk dan nenek saya.

(Pause 20 seconds.)

**M1** Bagaimanakah Umi menyesuaikan diri?

**F1** Saya cuba menyesuaikan diri dengan cuaca yang sangat panas. Saya sedang mencari pekerjaan tetapi kebanyakan majikan mahu saya berbahasa Inggeris. Saya lebih suka berada di kalangan orang berbahasa Melayu supaya saya boleh terus belajar bukan sahaja bahasa, tetapi budaya.

**M1** Apa rancangan Umi?

**F1** Saya mahu masuk universiti. Tapi saya perlu kelulusan dalam bahasa Melayu. Jadi saya perlu mempelajari bahasa ini dengan lebih gigih lagi. Pekerjaan ialah untuk menolong saya menyara diri. Saya ingin berdikari.

**M1** Tidakkah Umi teringat-ingat keluarga di Manchester?

**F1** Sudah tentu. Kami selalu berhubung menerusi panggilan video setiap hari.

**M1** Umi akan belajar apa di universiti?

**F1** Saya mahu belajar politik. Saya sangat meminati subjek ini.

**M1** Selamat berjaya. \*\*

(Pause 45 seconds.)

**M1** Sekarang anda akan mendengar temubual ini untuk kali kedua.

(Repeat from \* to \*\* then pause 45 seconds.)

**M1** Sekarang anda diberi masa selama enam minit untuk menulis jawapan anda ke atas kertas jawapan berasingan. Ikut arahan yang terdapat di atas kertas tersebut.

**E** There will now be six minutes for you to copy your answers onto the separate answer sheet. Follow the instructions on the answer sheet.

(Pause 6 minutes)

**M1** Ujian tamat.

**E** This is the end of the examination.

**BLANK PAGE**

---

Permission to reproduce items where third-party owned material protected by copyright is included has been sought and cleared where possible. Every reasonable effort has been made by the publisher (Cambridge University Press & Assessment) to trace copyright holders, but if any items requiring clearance have unwittingly been included, the publisher will be pleased to make amends at the earliest possible opportunity.

To avoid the issue of disclosure of answer-related information to candidates, all copyright acknowledgements are reproduced online in the Cambridge International Education Copyright Acknowledgements Booklet. This is produced for each series of examinations and is freely available to download at [www.cambridgeinternational.org](http://www.cambridgeinternational.org) after the live examination series.

Cambridge International Education is the name of our awarding body and a part of Cambridge University Press & Assessment, which is a department of the University of Cambridge.